

Graduan bioperubatan digalakkan mengikuti program perubatan

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI awam yang menawarkan ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan mencadangkan graduan-nya, khususnya yang ditaja kerajaan mengikuti pengajian Sarjana Muda Perubatan bagi menambah bilangan doktor perubatan di negara ini.

Dekan, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mohd Azman Abu Bakar, berkata amalan itu dilakukan negara lain seperti Australia dan graduan sains bioperubatan tidak mempunyai masalah mengikuti pengajian dalam bidang doktor perubatan.

Katanya, kurikulum sains bioperubatan hampir sama dengan kurikulum praktikal program perubatan kerana pelajar kedua-dua bidang itu mengikuti kursus anatomi, fisiologi, biokimia, mikrobiologi, parasitologi, entomologi, farmakologi, toksikologi, imunologi, patologi dan kesihatan masyarakat.

“Mesyuarat Dekan Sains Kesihatan Bersekutu mencadangkan



Dr Mohd Azman Abu Bakar

agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Mara menaja graduan sains bioperubatan untuk mengikuti program perubatan di luar negara.

“Untuk menjimatkan kos, kami mencadangkan kerajaan menghantar graduan ini ke Indonesia, iaitu

program perubatan di universiti yang diiktiraf Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

“Tinjauan awal kami menunjukkan universiti di Indonesia bersetuju menerima graduan sains bioperubatan kita terus ke tahun keempat pengajian doktor perubatan, bermakna mereka hanya perlu mengikuti pengajian dua tahun untuk menjadi doktor.

“Mara pada dasarnya juga bersetuju tetapi keputusan mesyuarat meminta kita memperhalusi lagi cadangan ini sebelum dibentangkan semula kepada Mara, JPA dan MMC,” katanya ketika ditemui di UKM Kampus Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Lima universiti awam yang menawarkan ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan ialah Universiti Malaya (UM), UKM, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ini mengumumkan pertambahan 1,420 tempat baru bagi pengajian bidang perubatan dalam tempoh lima tahun akan datang di

enam universiti awam menjadikan 6,045 tempat di fakulti terbabit berbanding unjuran asal 4,625 tempat.

Peningkatan 31 peratus tempat sehingga Sesi Akademik 2007/2008 itu membabitkan UM, USM, UKM, UPM, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak tetapi tempat di universiti awam dijangka tidak dapat memenuhi permintaan pelajar.

Peluang bagi program doktor perubatan itu tidak termasuk tempat yang disediakan di tujuh institusi swasta, iaitu Royal College of Medicine Perak, Universiti Perubatan Antarabangsa, Allianze College of Medical Sciences, Penang Medical College, Malacca-Manipal Medical College, Asian Institute of Medicine, Science and Technology dan Monash University Malaysia.

Pelajar Matrikulasi atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang tidak berjaya ke program perubatan biasanya memilih program sains bioperubatan.

Dr Mohd Azman berkata, MMC meminta urus setia cadangan menghantar graduan sains bioperu-

batan mengikuti program perubatan di Indonesia itu memohon pengiktirafan baru kepadanya.

Katanya, MMC memaklumkan semua program perubatan di Indonesia yang diiktiraf MMC adalah program perubatan untuk pelajar bermula daripada pengajian tahun pertama hingga tahun terakhir.

Antara program perubatan di Indonesia yang diiktiraf oleh MMC dan JPA ialah di Universitas Indonesia, Universitas Sumatera Utara, Universiti Airlangga, Universitas Padjadjaran, Universitas Gadjah Mada, Universitas Brawijaya, Universitas Sriwijaya dan Universitas Andalas.

“Kualiti program ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan di universiti tempatan mencapai standard antarabangsa kerana pengajian di UM, UKM, USM dan UPM mendapat akreditasi daripada Institute of Biomedical Science, United Kingdom.

“Kami mencadangkan hanya graduan yang mencatat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.00 ditaja untuk mengikuti pengajian doktor perubatan di Indonesia,” katanya.